

Proses pemulihan Tun M dijangka ambil masa

Kuala Lumpur: Proses pemulihan Tun Dr Mahathir Mohamad dijangka memerlukan tempoh agak lama selepas mengambil kira faktor usia bekas Perdana Menteri itu.

Perkembangan itu dimaklumkan Setiausaha Akhbar kepada Dr Mahathir, Sufi Yusoff, dalam kenyataan, semalam.

Katanya, selepas perbincangan dengan doktor pakar Ins-

titut Jantung Negara (IJN), Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mahathir akan menjalani rawatan fisioterapi tanpa pembedahan.

“Dr Mahathir masih meneruskan rawatan di IJN bagi pemulihan tulang pinggul patah akibat jatuh di kediamannya di The Mines, Serdang, Selasa lalu.

“Dr Mahathir dan keluarga juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan semua pihak yang sentiasa mendoakan kesihatan dan kesejahteraan beliau.

“Buat masa ini juga, Dr Mahathir tidak dibenarkan menerima pelawat, kecuali keluarga terdekat,” katanya.

Media sebelum ini, melaporkan pemimpin berusia 100 tahun

itu dikejarkan ke IJN dalam keadaan sedar selepas terjatuh di kediamannya, Selasa lalu.

Beliau terjatuh ketika bergerak dari satu bahagian di balkoni untuk ke ruang tamu.

Bekas Perdana Menteri keempat dan ketujuh itu pernah dirawat di IJN akibat keletihan pada 13 Julai lalu, dan dibenarkan keluar pada hari sama.